

KULIAH ZOHOR

“Bertahap-tahap Dalam Berdakwah”

Masjid Maarof | 2 Mei 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

عَنْ أَبِي مَعْبُدٍ، مَوْلَى ابْنِ عَبَّاسٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ حِينَ بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ " إِنَّكَ سَتَأْتِي قَوْمًا أَهْلَ كِتَابٍ، فَإِذَا جِئْتَهُمْ فَادْعُهُمْ إِلَى أَنْ يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَاءِهِمْ فَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ فَإِيَّاكَ وَكَرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ، وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ، فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ "

Terjemahan Hadith

- Abi Ma`bad meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada Muaz b. Jabal ketika hendak dikirim ke Yaman:

“Sesungguhnya engkau akan datang kepada kaum dari Ahli Kitab. Maka jika kamu telah datang kepada mereka, ajaklah mereka untuk bersyahadah bahawa sesungguhnya tiada *ilah* (tuhan) selain Allah dan sesungguhnya Muhammad adalah utusan Allah. Jika mereka telah mentaati kamu dengan sesungguhnya, maka beritahukan kepada mereka bahawa sesungguhnya Allah telah mewajibkan atas mereka solat lima waktu sehari semalam.....

- Jika mereka telah mentaati perintahmu, maka beritahukan kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan kepada mereka sedekah (zakat) yang diambil atau dipungut dari orang-orang kaya mereka kemudian dibahagikan kepada orang-orang faqir di antara mereka. Jika mereka mentaati perintahmu itu, maka janganlah kamu mengambil harta mereka yang berharga dan takutlah kamu terhadap doa orang yang dianiaya, sesungguhnya tidak ada hijab antara doa mereka dengan Allah.” (Riwayat Al-Bukhari)

Pengajaran Hadith

- Jelaskan prinsip bertahap-tahap dalam melaksanakan perintah Allah taala, memberi taklif kepada manusia dan dalam menegakkan syariat.
- Didik masyarakat untuk mengamalkan sesuatu kewajiban setelah satu kewajiban yang lain difahami dan dilaksanakan.
- Walau semua kewajiban itu telah disyariatkan dan menjadi kewajiban ke atas umat Islam, namun Rasulullah s.a.w tetap anjur mengajar melakukan kewajiban itu satu per satu, tahap bertahap dan bukan sekali gus.

- Dalam keadaan sesuatu syariat telah sempurna diturunkan dan pada asalnya wajib untuk dilaksanakan, prinsip bertahap-tahap untuk menegakkannya dalam sesuatu konteks tetap perlu dipelihara.
- Contoh aplikasi
 - bagi mereka yang baru masuk Islam, boleh ditangguhkan mengajarnya sesuatu kewajipan atau menangguhkan tuntutan untuk melakukan sesuatu e.g memakai hijab bagi wanita, berpuasa untuk kuatkan imannya dahulu, menumpukan kewajipan yang lebih utama dan membina kebiasaan untuk melakukan sesuatu kewajipan.

- Period Madinah tidak memansuhkan semua yang berlaku dalam period Mekah.
 - memberi fokus kepada akidah dan bertahap-tahap dalam tasyri' tidak termansukh dengan ciri kesempurnaan syariat dalam period Madinah
 - setiap period itu kekal sebagai panduan bagi pendakwah dalam menghadapi konteks dan realiti yang sesuai dengannya.
- Perlu perihatin dan membezakan antara mereka yang menolak syariat tertentu dengan mereka yang menanggukannya kerana pertimbangan strategi dan pendekatan.

KULIAH ZOHOR

“Sikap Pendakwah Terhadap Pelaku Maksiat”

Masjid Maarof | 2 Mei 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

أَنَّ رَجُلًا عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - كَانَ اسْمُهُ عَبْدَ اللَّهِ ،
وَكَانَ يُلقَّبُ حِمَارًا ، وَكَانَ يُضْحِكُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ - ، وَكَانَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَدْ جَلَدَهُ فِي الشَّرَابِ
، فَأُتِيَ بِهِ يَوْمًا فَأَمَرَ بِهِ فَجُلِدَ ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ اللَّهُمَّ الْعَنُ مَا
أَكْثَرَ مَا يُؤْتَى بِهِ . فَقَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - لَا تَلْعَنُوهُ ،
فَوَاللَّهِ مَا عَلِمْتُ أَنَّهُ يَحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

Terjemahan Hadith

- Umar telah meriwayatkan bahawa semasa hidup Rasulullah s.a.w terdapat seorang lelaki bernama Abdullah yang mempunyai gelaran keldai dan dia selalu membuat Rasulullah s.a.w ketawa. Rasulullah s.a.w telah sebat dia kerana minum minuman keras. Pada satu hari, dia telah dibawa kepada Rasulullah s.a.w atas kesalahan yang sama dan disebat. Salah seorang dari para sahabat telah berkata "Semoga Allah melaknat kamu. Berapa kali dia telah ditangkap kerana kesalahan yang sama?" Rasulullah s.a.w bersabda "Janganlah kau melaknat dia. Demi Allah, aku tahu bahawa dia mencintai Allah dan RasulNya." (Riwayat Al-Bukhari)

Pengajaran Hadith

- Ajar sikap yang betul dalam menghadapi seorang yang melakukan maksiat.
- Minum arak adalah dosa besar dan layak dihukum, namun ia
 - tidak menjadikan Rasulullah s.a.w membenci atau memandang hina orang yang melakukannya
 - tidak menutup pandangan Rasulullah s.a.w akan apa yang ada dalam hati orang berkenaan iaitu rasa cinta terhadap Allah taala dan Rasulullah s.a.w.

- Letakkan segala sesuatu ditempatnya yang sesuai
 - hukum kesalahan meminum arak
 - puji cintanya kepada Allah dan RasulNya.
- Cinta kepada Allah dan Rasulullah s.a.w, tidak bermakna kebal dari melakukan kesalahan atau terpelihara dari kelemahan diri dan godaan syaitan.
- Buat maksiat bukan bermakna tiada cinta pada Allah dan Rasulullah s.a.w dalam hati.
- Tidak mesti menyingkir seseorang kerana dosa yang ia lakukan.

- Kewujudan seorang yang melakukan dosa tidak semestinya mengurangi keberkatan usaha dakwah.
- Jatuh dalam dosa tidak semestinya menjadikan seseorang itu '*condemned*' atau tidak mempunyai harapan lagi.
- Menghukum hendaklah setakat kesalahan yang telah dilakukan
 - berlebihan dalam menghukum seseorang adalah tercela.
- Jauhi melaknat pelaku maksiat, mencela peribadinya atau memalukan air mukanya
 - menghukum individu secara khusus (*ta'yin*) adalah sesuatu yang tidak disukai.

- Membenci perbuatan maksiat tidak semestinya membenci si pelakunya.
- Pelaku dosa berulang kali, tetap boleh masuk syurga, jika amal solehnya yang lain lebih banyak dari berat dosa yang ia lakukan.
- Menilai hendaklah secara komprehensif (*holistic*), bukan hanya lihat kelemahan.